

STATUS KEHALALAN RESTORAN DAN PEMAKANAN SEPERTI KEDAI MAMAK LOTUS (DEKAT NIKKO HOTEL DEPAN AMPANG PARK), SAN FRANCISCO STEAK HOUSE, DOME, STARBUCK, LA BOHEME, JUSCO, FOODCOURT KLCC

JAWAPAN JAKIM

- Restoran berikut telah mendapat pengesahan halal JAKIM
 - **McDonald**
 - **A&W**
 - **Secret Recipe**

- Restoran & Syarikat berikut telah DITARIKBALIK sijil pengesahan halal JAKIM kerana gagal mematuhi syarat dan piawaian halal
 - **Victoria Station**
 - **Kam Lun Tai** (lihat di bawah)
 - **Lotus Family Restoran** (sebelah Nikko Hotel depan Ampang Park)

- Restoran & Syarikat berikut TIDAK PERNAH mendapat pengesahan halal JAKIM
 - **San Francisco Steakhouse**
 - **Chicken Rice Shop**
 - **Kiwi Express**

- Minuman ringan keluaran syarikat **F&N** seperti **Coke** dan **100 Plus** telah mendapat pengesahan halal JAKIM

- Bagi **kuih bulan** dan **kuih bakul** yang telah mendapat pengesahan halal JAKIM adalah halal sebagai contoh yang dikeluarkan oleh syarikat **KG Pastry** atau **Noraini's Cookies** dan lain-lain yang ada menggunakan logo halal JAKIM **kecuali** kuih bulan dari **Kam Lun Tai** kerana telah DITARIKBALIK pengesahan halalnya disebabkan berlaku pelanggaran syarat dan peraturan halal yang ditetapkan

- Ayam segar yang dibungkuskan atas nama **Farmbest** adalah dikeluarkan oleh **Syarikat Sin Mah Sdn. Bhd.** Syarikat ini telah mendapat pengesahan halal JAKIM

- Pewarna rambut yang di pasaran biasanya akan tertulis pada kotak **permanent dye** atau **semi permanent dye**. Mengikut kajian, jenis yang Semi-Permenent Dye adalah jenis yang tidak menyerap air dan ianya tidak boleh dipakai oleh orang Islam. Begitu juga sebaliknya. JAKIM sendiri TIDAK PERNAH mengeluarkan sijil halal untuk produk pewarna rambut kerana ianya di kilangkan di luar negara. Untuk pengetahuan, JAKIM hanya akan keluarkan sijil halal untuk produk yang diproses di Malaysia sahaja

- Sehingga kini pengeluar supplement dan produk makanan kesihatan yang telah berdaftar dengan JAKIM adalah syarikat **Upha**. Kebanyakan supplement food dari syarikat Upha telah MENDAPAT PENGESAHAN halal JAKIM dan telah dipastikan 'soft gel' untuk kapsul yang digunakan adalah halal. Bagi produk jenama **Blackmores, Solaray, Seven Seas, 21 Century** tidak pernah Mendapat pengesahan halal JAKIM, kerana itu tidak dapat dipastikan kapsul yang digunakan itu walau pun didakwa bersumberkan lembu tetapi tidak diketahui sama ada lembu itu disembelih atau tidak. Produk yang tidak mendapat pengesahan halal ini adalah kerana itu adalah produk import, maka pengedar dan pengeluar bertanggungjawab mendapatkan pengesahan halal dari badan Islam di negara asal produk tersebut diimport

■ Restoran **Dome** dan seluruh rangkaianannya tidak pernah mendapat pengesahan halal JAKIM, maka kerana itu tidak dapat dipastikan status kehalalan makanan /minuman yang disediakan di restoran ini

■ **SOALAN:** Saya ingin tahu samada semua stall di **FoodCourt Suria KLCC** halal kerana tiada papan tanda yang membezakan gerai yg halal dengan yang tidak halal. Saya juga ingin tahu samada semua restoran di Suria KLCC menghidangkan makanan yang halal (**walaupun ada yang menjual arak**), seperti **Madam Kwan's, Spring Garden, Rain Nudle House, Bukhara, Chillis, California Pizza, Kelantan Delights, Chakri's Palace, Rotiboy Bakeshoppe, Auntie Anne's Pretzels, Cinnabon, Al-Marjan, Bong Sen (Vietnamese), Chin Oz On the Park, Dome Café, Genki Sushi, Gloria Jean's Coffees, House of Sudanese Food, San Francisco Steak House, Santini**

JAWAPAN: Gerai-gerai makan di Medan Selera di KLCC TIDAK ADA yang mendapat pengesahan halal JAKIM termasuklah juga semua restoran yang disenaraikan itu

■ **Baker's Cottage** telah mendapat pengesahan halal dari JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor), **La Boheme** tidak dapat dipastikan status halal kerana TIDAK PERNAH mendapat pengesahan halal JAKIM. **King's Confectionery** telah mendapat pengesahan halal JAKIM. Status makanan yang disediakan di **Giant** dan **Tesco** ada sebahagiannya yang telah mendapat pengesahan halal JAKIM, manakala **Jusco** hendaklah merujuk kepada logo halal yang digunakan pada pembungkusan produk kerana Jusco TIDAK PERNAH mendapat pengesahan halal JAKIM secara khusus

■ Kedai **Bread Talk & Bread Story** TIDAK PERNAH mendapat pengesahan halal JAKIM

■ Sehingga kini JAKIM TIDAK PERNAH memberi pengesahan halal ke atas **Restoran Burger King**. Maka dengan itu tidak dapat dipastikan status kehalalan produk yang dijual

■ Pernyataan mencampurkan minyak babi untuk pembuatan sausage ayam, fishballs dan lain-lain adalah tidak benar bagi produk terbabit yang telah mendapat pengesahan halal JAKIM. Bagi produk **Ramli Burger** dan **Ayamas**, memang telah mendapat pengesahan halal JAKIM dan kedua-dua syarikat ini sentiasa mematuhi peraturan halal JAKIM

■ **Coffee Bean** telah mendapat pengesahan halal JAKIM dan telah dipastikan semua bahan yang digunakan adalah halal tetapi **Starbuck** memang TIDAK PERNAH MEMOHON pengesahan halal JAKIM, maka tidak dapat dipastikan kehalalan bahan /produk di tempat tersebut

Waallahua'lam

Selasa, 2 September, 2008